

NOTA AMALAN NO. 3/2017

PENJELASAN BERHUBUNG TARIKH KUAT KUASA PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECEUALIAN) (NO. 9) 2017 [P.U.(A) 323/2017]

- 1.0 Nota ini dikeluarkan bagi memberi panduan berkenaan pemakaian Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2017 [P.U.(A) 323/2017], khususnya berkaitan **perkhidmatan yang dilaksanakan di luar Malaysia sebelum dan selepas berkuat kuasanya Perintah Cukai Pendapatan (PCP) ini.**
- 2.0 Dengan PCP ini, berkuat kuasa mulai 6 September 2017, **pendapatan daripada perkhidmatan yang termasuk di bawah perenggan 4A(i) dan 4A(ii), Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta ini), adalah tidak tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, Akta ini sekiranya perkhidmatan dilaksanakan di luar Malaysia.**
- 3.0 Berikut adalah contoh-contoh yang menunjukkan keadaan di mana cukai pegangan di bawah seksyen 109B, Akta ini terpakai atau tidak.
 - 3.1 Bagi kontrak yang ditandatangani dan dilaksanakan di luar Malaysia **selepas 6.9.2017**, bayaran yang dibuat kepada bukan pemastautin tidak tertakluk kepada cukai pegangan.

Contoh 1:

Tempoh kontrak / Tempoh perkhidmatan dilaksanakan	Implikasi
6.9.2017 – 31.1.2019	Bayaran tidak tertakluk kepada cukai pegangan

- 3.2 Bagi kontrak yang ditandatangani **sebelum 6.9.2017**, dan perkhidmatan dilaksanakan di luar Malaysia sebelum dan selepas 6.9.2017.

Contoh 2:

Kontrak ditandatangani untuk tempoh 1.2.2017 – 28.2.2018.

Tempoh perkhidmatan dilaksanakan	Implikasi
1.2.2017 – 5.9.2017	Bayaran tertakluk kepada cukai pegangan
6.9.2017 – 28.2.2018	Bayaran tidak tertakluk kepada cukai pegangan

- 3.3 Bagi kontrak yang ditandatangani dan perkhidmatan dilaksanakan di luar Malaysia **sebelum 6.9.2017**, tetapi bayaran dibuat selepas 6.9.2017, bayaran tersebut adalah tertakluk kepada cukai pegangan.

Contoh 3:

Tempoh perkhidmatan dilaksanakan	Tarikh Bayaran	Implikasi
1.2.2017 – 5.9.2017	10.10.2017	Bayaran tertakluk kepada cukai pegangan

- 3.4 Bagi kontrak yang telah ditandatangani dan bayaran telah dibuat **sebelum 6.9.2017**, tetapi perkhidmatan dilaksanakan di luar Malaysia selepas 6.9.2017, bayaran tersebut tidak tertakluk kepada cukai pegangan.

Contoh 4:

Tempoh perkhidmatan dilaksanakan	Tarikh Bayaran	Implikasi
6.9.2017 – 28.2.2018	10.8.2017	<ul style="list-style-type: none">• Bayaran tidak tertakluk kepada cukai pegangan.• Bayaran balik layak dituntut jika cukai pegangan telah dibayar.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

TARIKH PENERBITAN: 7 DISEMBER 2017